

ADAT PERPATIH

MASYARAKAT DAN PERUBAHAN
(ANT 2001)

DIPLOMA PEMBANGUNAN MANUSIA
EKOLOGI MANUSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
1998/99

UNIVERSITI PERTAMA MALAYSIA

ANT-2001


PERUBAHAN DAN MASYARAKAT

TAJUK: ADAT PERPATIH

ANNUAL REPORT

252

1 . ERANA BT. ABD SEMAN	59186
2 . SITI ZALEHA BT. ABD WAHAB	58719
3 . ZURAIDAH BT. AMINN	59090
4 . NUR AIDAH BT. RASHID	58894
5 . MAZLINA BT. MAHADHIR	58691
6 . NURZAFIFA BT. KAMARUNZAMAN	58762
7 . MARLINA BT. RAMLY	59050
8 . RINA AZRIN BT. ABD RAHMAN	65162
9 . NURUL SYAHIDA BT. MAT ARSHAD	58931



Penghargaan

Assalamualaikum w.b.t.

Alhamdulillah, kami bersyukur ke hadrat Ilahi kerana kami dapat menyiapkan tugas yang bertajuk ADAT PERPATIH dalam tempoh masa yang di tetapkan. Laporan kajian ini adalah hasil kerjasama dan bantuan dari pelbagai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung.

Penghargaan dan rasa terhutang budi yang sesungguhnya tidak dapat dilahirkan dengan beberapa baris ayat. Namun begitu, kami mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah yang kami hormati ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM sebagai pensyarah kursus ANT 2001 dan fasilitator kami dalam menyediakan dan mengemaskinikan tugas ini.

Terima kasih juga atas kesudian ENCIK NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM kerana sudi meluangkan masa untuk mengkritik dan memperbetulkan kesilapan dan kekurangan tugas kami bagi menghasilkan mutu kerja yang baik.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada semua ahli kumpulan kami yang terdiri daripada Era, Eda, Siti, Aida, Maz, Fifa, Jaja, Ina dan Rina yang bertungkus-lumus dan sanggup berkorban masa untuk menyediakan dan menyiapkan tugasan serta memberi komitmen yang tinggi sepanjang pemprosesan tugasan ini. Ini kerana kami memegang satu prinsip ‘berat sama dipikul, ringan sama dijinjing’.

Sekian terima kasih

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

PENGENALAN	1
ADAT PERPATIH BERASAL DARI MINANGKABAU	7
SEBAB-SEBAB DIBERI NAMA ADAT PERPATIH	9
HIDUP PELBAGAI KAUM	12
PECAHAN-PECAHAN SUKU DAN PENTADBIRANNYA	14
HIDUP DALAM SUKU-SUKU	16
LUAK DAN SUKU-SUKU	18
SEMENDA-BERSEMENDA	20
PERTALIAN ANTARA SUKU-SUKU	22
KEDIM-BERKEDIM	24
PEMERINTAHAN BERPEWAKILAN	26
RAJA TIADA BERNEGERI	28
KEPERIBADIAN SEORANG PEMIMPIN	30
CARA-CARA MEMBAHAGI HARTA	34
ADAT YANG SENTIASA BAHARU	37

KEPERIBADIAN SEORANG PEMIMPIN

Setiap Buapak, setiap Lembaga, setiap Penghulu biasanya dipilih dan dilantik menurut kemahuan orang ramai. Mereka “yang dilantik” pula “boleh dipecat” pada bila-bila masa sahaja. Begitulah adil dan demokratik Adat Perpatih ini.

Pemimpim itu hendaklah sentiasa memelihara kaum dan anak buahnya dengan adil dan bijaksana.

Seorang pemimpin itu adalah diibaratkan seperti:-

*“Ayer yang jernih,
tempurung yang cepar,
seperti pohon di tengah padang,
uratnya tempat bersila,
batangnya tempat bersandar,
dahannya tempat bergantung,
buahnya untuk dimakan,
daunnya untuk berlindung”.*

Pemimpin itu hendaklah menjalankan kekuasaan yang diberikan kepadanya itu dengan cara dan bertujuan untuk:-

*“Menghilangkan yang buruk,
menimbulkan yang baik”.*

Seterusnya pemimpin itu hendaklah merupakan seorang yang arif, bijaksana dan baik budi bahasa, kerana ia diibaratkan sebagai:-

"Lubuk akal,

lautan budi".

Di kala menyelesaikan sesuatu masalah, pemimpin itu hendaklah sentiasa mengingati petua:-

"Tidak ada kusut yang tidak boleh

diselesaikan,

tidak ada keruh yang tidak dapat

dijernihkan".

Maka dapat dinyatakan bahawa semua masalah dapat diselesaikan, segala perselisihan dapat didamaikan.

Satu perkara yang penting ketika menyelesaikan sesuatu masalah, setiap pemimpin itu haruslah sentiasa berhati-hati terhadap perasaan orang yang terlibat dalam masalah itu, supaya:-

"Tepung jangan berselerak,

rambut jangan putus".

Jika pemimpin itu memberi adil dan bijaksana, sudah tentu tiada pihak yang akan berasa kecil hati dan tidak puas hati. Dalam masalah ini diingatkan bahawa setiap masalah itu adalah disebabkan oleh kedua belah pihak sekurang-kurangnya dan kedua belah pihak itu adalah termasuklah kaum sendiri, suku sendiri dan bangsa sendiri.

Di kala membuat pengadilan pemimpin itu hendaklah sentiasa berhati-hati supaya keputusannya kelak tidak mengakibatkan kaum itu berpecah belah dan memutuskan tali

persaudaraan mereka antara satu dengan yang lain. Dengan itu, ketika memberi pengadilan seseorang datuk atau pemimpin itu janganlah berlaku curang dan berat sebelah dan janganlah apabila “Tiba di perut di kempiskan, tiba di mata di pancingkan, tiba di dada di busungkan”.

Memang menjadi seorang ketua dan pemimpin itu bukan suatu perkara yang mudah. Di samping menjalankan tugasnya dengan adil dan saksama, di samping memimpin dan melindungi anak buah dan kaumnya, maka dia kadang-kadang menjadi sasaran segala umpat keji dan seumpamanya. Oleh kerana itu setiap pemimpin haruslah sentiasa sedar bahawa memanglah pemimpin sentiasa mendapat umpat dan keji:-

*“Ke kanan jalan ke Kurai,
satu simpang ke Empat Angkat,
kalau benar Penghulu bagaikan lantai,
kalau berpijak jangan menjungkit,
teluk biasa timbunan kapal,
lurah biasa timbunan air,
bukit biasa timbunan kabut,
Pemimpin biasa mendapat umpat”.*

Seorang pemimpin arif bijaksana hendaklah sentiasa tidak menghiraukan umpat keji itu. Malah dia hendaklah menganggap segala teguran dan umpat keji itu adalah sebagai kebaikannya juga.

Anggaplah semua itu sebagai penawar:-

“Gunting dari Empat Angkat,

*di bawa oleh Orang Mindiangin,
di pinjam orang ke biara,
kalau datang persoalan dan umpat,
anggaplah sebagai penawar,
demikianlah pemimpin yang sebenarnya”.*

Demikianlah keperibadian seorang pemimpin seperti dikehendaki Adat Perpatih. Seorang pemimpin itu boleh diibaratkan juga seperti seorang gembala yang sentiasa memelihara baik ternakan yang digembalakannya. Seorang pemimpin itu juga boleh diibaratkan sebagai pagar untuk menjaga binatang-binatang supaya jangan memakan padi dan bukanlah untuk “*Memakan padi*”.